

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [ TAMPIN ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk menukar bentuk hukuman bagi kesalahan di jalan raya daripada mengenakan bayaran kompaun kepada hukuman yang lebih bersifat mendidik seperti Perintah Khidmat Masyarakat (PKM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) mengambil maklum akan cadangan yang dikemukakan untuk menukar bentuk hukuman bagi kesalahan di jalan kepada hukuman yang lebih bersifat mendidik seperti Perintah Khidmat Masyarakat (PKM). Dalam hubungan ini, MOT dan agensi di bawahnya akan menyusul cadangan tersebut dan akan mengadakan sesi-sesi perbincangan bersama pemegang taruh dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030 bagi meneliti kesesuaianya.

Sekian, terima kasih.